

24 APR 1996

IROU - Konvensyen

IROU CADANG KONVENSYEN KHAS CUEPACS SELESAI ISU PENCEN

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Kesatuan Pegawai-pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (IROU) mencadangkan supaya Konvensyen Khas Cuepacs diadakan dalam usaha menyelesaikan rasa tidak puas hati beberapa anggota gabungan Cuepacs berhubung isu pengguguran formula baru pembayaran pencen.

Presiden IROU, Mustaffa Hassan berkata, perbuatan mengecam sesama sendiri dalam media antara kepimpinan Cuepacs dan anggota gabungannya sekarang tidak akan menyelesaikan masalah tetapi Konvensyen Khas lebih "manis" untuk mengemukakan pandangan.

"IROU berasa kurang senang dengan kemelut yang hangat dibincangkan melalui media oleh kepimpinan Cuepacs di satu pihak dan anggota-anggota gabungan Cuepacs di pihak yang lain.

"Pada pandangan saya, berdebat melalui media tidak mendatangkan faedah kepada sesiapa dan kita tidak akan mencapai keputusan yang dihajati," katanya kepada Bernama, di sini.

Sejak kebelakangan ini, kepimpinan Cuepacs "diserang hebat" beberapa anggota gabungannya yang tidak berpuas hati dengan langkah menerima keputusan kerajaan menggugurkan formula baru pembayaran pencen yang dipersetujui sebelum ini.

Kerajaan menolak formula baru itu kerana ia menyebabkan pesara yang berkhidmat lebih daripada 25 tahun memperolehi pendapatan yang hampir sama banyak dengan gaji terakhir semasa dalam perkhidmatan sedangkan prinsip pencen ialah pesara tidak boleh mendapat lebih daripada separuh gaji terakhirnya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika ditanya pemberita sebelum ini, berkata adalah tidak adil kepada anggota yang sedang berkhidmat jika pencen seseorang pesara hampir sama banyak dengan pendapatan terakhirnya kerana pencen pesara tidak dikenakan cukai berbanding pendapatan.

Mustaffa berkata, IROU kurang senang dengan trend sekarang membabitkan anggota-anggota gabungan Cuepacs menghantar memorandum masing-masing kepada pihak berwajib sedangkan itu tugas Cuepacs sebagai kesatuan pusat.

"Bagi IROU, memorandum asal yang dikemukakan oleh Cuepacs kepada JPA sudah cukup adil dan jelas.

Kalau pandangan Cuepacs yang diutarakan dalam memorandum asal itu tidak komprehensif, tentu JPA tidak meluluskannya pada peringkat awal," katanya.

Mustaffa tidak menolak kenyataan beberapa anggota gabungan Cuepacs sebelum ini bahawa kepimpinan kesatuan pusat gagal memikul amanah yang diberikan pada konvensyen yang lalu berhubung isu pelarasan gaji dan formula baru pencen.

Dalam hal ini, kepimpinan Cuepacs perlu ingat bahawa kesatuan itu bukan Presiden, Setiausaha Agung, Bendahari, Jawatankuasa Kerja dan Majlis Kongres.

"Cuepacs adalah hak anggota gabungan dan mewakili semua peringkat pekerja perkhidmatan awam yang berjumlah 850,000 kakitangan," katanya.

Menurut beliau, Cuepacs juga bukan kepunyaan satu kelompok gred pekerja dalam perkhidmatan awam dan juga bukan memperjuangkan hak satu kelompok perkhidmatan awam.

Sehubungan itu, kepimpinan Cuepacs dan semua anggota gabungannya hendaklah mengambil tindakan wajar untuk menjaga imej pegawai dan kakitangan kerajaan secara keseluruhan dan imej Cuepacs sebagai kesatuan pusat, katanya. -- BERNAMA

AH FAZ